



**IKLAN JAWATAN KOSONG**  
**MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA**  
<http://www.mphtj.gov.my>

Permohonan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) seperti berikut :

**A. PENOLONG ARKITEK LANDSKAP GRED JA29**

1. (a) Jawatan : Penolong Arkitek Landskap Gred JA29  
(b) Jabatan : Jabatan Landskap  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
(d) Klasifikasi perkhidmatan : Kejuruteraan  
(e) Jadual Gaji :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
1,549.00	5,701.00	145.00

2. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
- (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan kelayakan seperti berikut;
  - (c) (i) Sijil dalam bidang teknologi landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan)  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,549.00);  
atau  
(ii) Sijil dalam bidang perancang bandar, kejuruteraan awam (seni bina) atau seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,549.00);  
atau  
(iii) Diploma dalam bidang seni bina landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02);  
(iv) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (**sekurang-kurangnya Gred C**) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

3. Taraf Jawatan : **KONTRAK ( 1 KEKOSONGAN)**

## B. PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11

1. (a) Jawatan : Pengawal Keselamatan Gred KP11  
(b) Jabatan : Jabatan Penguatkuasaan  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana  
(d) Klasifikasi perkhidmatan : Keselamatan dan Pertahanan Awam  
(e) Jadual Gaji :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
1,205.00	2,939.00	80.00

2. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
- (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan kelayakan seperti berikut;
  - (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00).

- (ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP11: RM1,205.00).

- (iii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (**sekurang-kurangnya Gred C**) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

3. Taraf Jawatan : **KONTRAK** ( 13 KEKOSONGAN)

## CARA MEMOHON :

- i. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya yang boleh didapati dari laman web MPHTJ iaitu <http://www.mphtj.gov.my> atau datang sendiri ke Aras 2, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.
- ii. Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia dan keutamaan kepada anak kelahiran Negeri Melaka.
- iii. Permohonan hendaklah disertakan dengan **sesalinan sijil-sijil kelayakan dan dokumen yang disahkan**. Permohonan yang **tidak lengkap dan tidak memenuhi** syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan akan **ditolak dengan serta merta**
- iv. Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan salinan kenyataan perkhidmatan yang telah dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) terkini dan dihantar melalui majikan masing-masing.
- v. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar di dalam sampul surat berukuran 32sm x 22sm. Di sudut atas sebelah kiri sampul hendaklah ditulis **NAMA JAWATAN** yang dipohon.
- vi. Pemohon hendaklah menyediakan sampul surat berukuran 10sm x 23sm beserta stem RM0.60 sen semasa menghantar borang permohonan dan hendaklah ditulis **NAMA JAWATAN** yang dipohon di sudut atas sebelah kiri sampul dan alamat surat menyurat.
- vii. Alamat permohonan dan tarikh tutup permohonan :

**Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya  
SF-01, Aras 2,  
Kompleks Melaka Mall,  
Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh,  
75450 Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, Melaka  
(U.P : BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

**TARIKH BUKA PERMOHONAN : 8 APRIL 2019  
TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 22 APRIL 2019**